

## ISI KANDUNGAN

### PERSIDANGAN DAN PAMERAN GEOSMART ASIA 2017

Halaman 1

### LAWATAN TAIWAN GEOGRAPHIC INFORMATION SOCIETY (TGIS)

### STAKEHOLDER ENGAGEMENT BERSAMA KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) BERKAITAN POLISI, TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN PELAN INDUK GEOSPATIAL NEGARA (NGMP)

Halaman 2

### KUNJUNGAN HORMAT MENTERI TANAH REPUBLIK BANGLADESH KE NRE

### LAWATAN INSTITUTION OF GEOSPATIAL AND REMOTE SENSING (IGRSM)

Halaman 3

### INISIATIF PROGRAM MyGDI

Halaman 4

## ► PERSIDANGAN DAN PAMERAN GEOSMART ASIA 2017



PUTRAJAYA, 24 Ogos - Persidangan GeoSmart Asia 2017 telah berlangsung pada 22 hingga 24 Ogos 2017 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Bertemakan "Commercialization and Commoditization of Geospatial Information", persidangan ini dianjurkan oleh Syarikat Geospatial Media and Communications Sdn. Bhd. dan Kementerian Sumber Asli dan

Alam Sekitar (NRE) melalui Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) telah dijemput sebagai penganjur bersama. Seramai 1198 orang peserta dan 486 organisasi dari 31 buah negara telah bersidang bagi tujuan mempromosikan teknologi dan aplikasi geospatial dari pelbagai sektor.

Selain itu, persidangan ini turut mendapat penyertaan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sebagai Agensi Sokongan. Persidangan GeoSmart Asia 2017 ini telah dirasmikan oleh YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE diiringi oleh YB. Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE serta YBhg. Dato' Haji Suhaimi bin Haji Mamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), NRE.

Persidangan GeoSmart Asia 2017 turut membuka ruang pameran teknologi geospatial yang telah disertai oleh 33 buah agensi termasuk NRE. YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE telah mewakili YB Menteri NRE mengadakan lawatan ke ruang pameran. Antara pempamer yang mengambil bahagian adalah seperti Syarikat FARO, Esri Malaysia, AAM, Bentley dan lain-lain lagi. Penyertaan NRE di pameran ini telah memberi peluang kepada MaCGDI

untuk mempromosikan program Malaysia Geospatial Data Infrastructure (MyGDI). MaCGDI juga turut berpeluang untuk menyampaikan maklumat berkaitan Pelan Induk Geospatial Negara (NGMP) yang sedang dibangunkan pada slot khas dalam persidangan ini. Persidangan dan pameran selama tiga (3) hari ini sangat bermanfaat kerana pelbagai pendapat dan idea dapat dikongsi dari pelbagai pihak sama ada dari dalam negara mahupun dari peringkat antarabangsa.



## ► LAWATAN TAIWAN GEOGRAPHIC INFORMATION SOCIETY (TGIS)



PUTRAJAYA, 13 Julai - MaCGDI telah menerima lawatan kerja antarabangsa seramai 15 orang delegasi dari Taiwan Geographic Information Society (TGIS). Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Prof. Dr. Feng-Tyan Lin dan turut diiringi oleh dua (2) orang pegawai dari Syarikat KQ GEO Technologies Malaysia.

TGIS merupakan salah satu persatuan bukan kerajaan (NGO) dari negara Taiwan yang dianggotai oleh individu-individu profesional dan ahli-ahli akademik bertujuan untuk membantu menjalankan aktiviti geospasial serta pembangunan standard Sistem Maklumat Geografi (GIS) di Taiwan.

Justeru, lawatan kerja ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli TGIS mengenai aktiviti geospasial yang sedang berkembang pesat dalam pembangunan negara. Selain itu, kunjungan ini juga memberi peluang perkongsian pengalaman negara Taiwan dalam bidang GIS kepada kita.

Lawatan kerja ini telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI. Beliau turut diiringi oleh pegawai-pegawai MaCGDI yang membentangkan mengenai pengenalan MaCGDI dan Program MyGDI, aplikasi 1Malaysia Map dan aplikasi MyGOS. Delegasi TGIS turut mengambil kesempatan di lawatan kerja ini bagi membentangkan mengenai latar belakang TGIS serta pembangunan menggunakan maklumat geospasial yang telah dijalankan di Bandar Kaohsiung, salah sebuah bandar di Taiwan.

Besarliah harapan MaCGDI agar objektif lawatan kerja ini telah tercapai dan delegasi TGIS berpuas hati dengan hospitaliti yang telah disediakan. Prof. Dr. Feng-Tyan Lin yang mewakili delegasi TGIS mengucapkan terima kasih kepada MaCGDI kerana sudi menerima kunjungan mereka.

◆ Selain Malaysia, TGIS turut mengadakan lawatan kerja di negara ASEAN yang lain seperti Singapura.

## ► **STAKEHOLDER ENGAGEMENT BERSAMA KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) BERKAITAN POLISI, TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN PELAN INDUK GEOSPASIAL NEGARA (NGMP)**



KUALA LUMPUR, 19 Julai - MaCGDI telah berkunjung ke Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) bagi menyampaikan taklimat lanjutan *stakeholder engagement* berkaitan polisi, tadbir urus dan perundangan bagi pembangunan Pelan Induk Geospasial Negara (NGMP).

Sesi taklimat ini telah dipengerusikan oleh Encik Jayamohan M. Thamalingam, Timbalan Setiausaha Bahagian II, Bahagian Perancang Jalan, KKR manakala pasukan MaCGDI telah diketuai oleh Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompong, Timbalan Pengarah, Cawangan Pembangunan Polisi dan Standard, MaCGDI. Taklimat ini adalah merupakan lanjutan daripada sesi *stakeholder engagement* yang telah diadakan kepada semua

pemegang taruh NGMP pada awal tahun ini. Pegawai-pegawai MaCGDI turut berpeluang membentangkan mengenai aplikasi MyGDI Explorer, 1Malaysia Map dan aplikasi MyGOS kepada semua yang hadir.

Sesi taklimat ini telah memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk memahami dengan lebih jelas berkaitan faedah-faedah bersama melalui NGMP yang sedang dibangunkan. Tambahan pula, KKR merupakan salah satu Kementerian yang menjadi agensi tunjang di bawah program MyGDI dan merupakan pemegang taruh utama dalam pembangunan NGMP.

Di akhir sesi taklimat, Encik Jayamohan mewakili pihak KKR mengucapkan terima kasih kepada delegasi MaCGDI dengan usaha yang telah dilaksanakan dan berharap ianya akan memberi manfaat kepada Kerajaan dan rakyat di masa hadapan.

◆ NGMP ini dijangka siap pada Mei 2018 sebagai usaha dalam merealisasikan tadbir urus geospasial negara dengan lebih jelas dan menyeluruh.

## ► KUNJUNGAN HORMAT MENTERI TANAH REPUBLIK BANGLADESH KE NRE



PUTRAJAYA, 3 Ogos - YB. Dato' Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menerima kunjungan hormat dari YBhg. Encik Shamsur Rahman Sherif, Menteri Tanah Republik Rakyat Bangladesh. Kunjungan hormat Menteri Tanah Republik Rakyat Bangladesh ini turut disertai oleh delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi pengurusan Kementerian tersebut.

Susulan daripada sesi kunjungan hormat ini juga, satu sesi pembentangan berkenaan pengurusan organisasi dan tanah di Malaysia telah diadakan kepada delegasi Bangladesh yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Che

Roslan bin Daud, Timbalan Ketua Pengarah (SKPP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Hadir sama, beberapa orang pegawai pengurusan NRE terdiri dari Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan (BTUP) selaku urus setia, JKPTG, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) serta Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

Wakil-wakil dari Jabatan dan Bahagian telah membentangkan berkaitan pengurusan organisasi dan tanah di Jabatan dan Bahagian masing-masing. MaCGDI sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan dalam mengurus pembangunan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) telah membentangkan berkaitan Program MyGDI serta aplikasi yang telah dibangunkan berkaitan maklumat tanah di Malaysia. Pihak delegasi Bangladesh menzahirkan rasa gembira dan berpuas hati dengan sesi pembentangan yang telah diadakan serta mengagumi teknologi geospasial yang telah dibangunkan di Malaysia. Mereka turut mengalu-alukan kunjungan balas delegasi NRE ke Bangladesh di masa akan datang.

- ◆ Pengarah MaCGDI telah membentangkan slaid bertajuk "MaCGDI'S Role Towards Providing Geospasial Information (MyGDI)".

## ► LAWATAN INSTITUTION OF GEOSPATIAL AND REMOTE SENSING (IGRSM)



PUTRAJAYA, 15 September - MaCGDI, NRE telah menerima lawatan dari Institution of Geospatial and Remote Sensing Malaysia (IGRSM). Lawatan tersebut telah diketuai oleh Prof. Madya Gs. Dr. Abdul Rashid bin Mohamed Shariff, Presiden IGRSM dan turut diiringi oleh dua (2) orang ahli jawatankuasa persatuan tersebut. Lawatan ini telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI.


IGRSM merupakan sebuah persatuan berdaftar yang menyokong aktiviti dan pembangunan teknologi geospasial serta remote sensing di Malaysia. Persatuan ini telah ditubuhkan pada tahun 1995 yang mulanya dikenali sebagai Malaysian Remote Sensing Society (MRSS). Penjenamaan semula

kepada nama IGRSM adalah bertujuan untuk menjadikan persatuan ini relevan dengan teknologi geospasial yang sedang berkembang pesat di Malaysia. Justeru, lawatan ini bertujuan untuk mempromosi peranan IGRSM kepada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang berkaitan dengan geospasial. Dalam sesi pembentangan, IGRSM juga telah menerangkan aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh mereka serta menekankan bahawa pendaftaran ahli di bawah persatuan ini akan melayakkan penggunaan gelaran "Gs." pada nama mereka yang membawa maksud *Geospasialist*.

MaCGDI berharap agar kerjasama dua hala bersama pihak IGRSM lebih giat dijalankan terutamanya dalam mempromosikan geospasial melalui sesi ceramah, seminar dan persidangan. Prof. Madya Gs. Dr. Abdul Rashid bin Mohamed Shariff yang mewakili pihak IGRSM menzahirkan ucapan terima kasih kepada MaCGDI kerana sudi menerima kunjungan mereka. Lawatan ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.

- ◆ IGRSM turut mengalu-alukan penyertaan MaCGDI di 9th IGRSM International Conference and Exhibition on Geospasial & Remote Sensing (IGRSM 2018) yang akan datang.

## ► INISIATIF PROGRAM MYGDI



Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan inisiatif Program MyGDI, sila layari :

<http://www.mygeoportal.gov.my/ms/inisiatif-geospasial-mygdi>

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI),

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI,

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156

FAX: 03 - 8889 4851

Website: [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)

